

NO. SOALAN: 53

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SIM CHEE KEONG

TARIKH : 15 MAC 2017

RUJUKAN : 9644

SOALAN:

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan status penyiasatan sabotaj MyIMMS di KLIA di mana lebih 100 pegawai Jabatan Imigresen didakwa terlibat dan disiasat. Nyatakan sama ada apa-apa dakwaan ataupun sabitan mahkamah, dan nyatakan status pegawai-pegawai Jabatan Imigresen yang disiasat itu.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah menjalankan siasatan behubung dengan kes sabotaj terhadap sistem MyIMMS Jabatan Imigresen Malaysia untuk mengenalpasti dalang utama dan penglibatan pegawai-pegawai Imigresen yang bersekongkol dengan sindiket penyeludupan migran iaitu dengan memberikan laluan mudah untuk masuk dan keluar kepada warga asing di pintu-pintu masuk di lapangan terbang.

Statistik tangkapan pegawai Imigresen dan tindakan yang diambil adalah seperti berikut:

STATISTIK TANGKAPAN PEGAWAI IMIGRESEN TAHUN 2016

OP	JUMLAH
KENAL CHARLIE FASA 2	3
KENAL ALPHA FASA 1	2
KENAL LADA FASA 1	2
KENAL LADA FASA 2	4
HARAP FASA 1/16	16
HARAP FASA 2/16	14
JUMLAH	41

STATISTIK TINDAKAN TERHADAP PEGAWAI IMIGRESEN YANG DITANGKAP

BIL	KEPUTUSAN	JUMLAH
1.	ATIPSOM	5
2.	POCA (PERINTAH TAHANAN)	6
3.	POCA (PERINTAH PENGAWASAN)	26
4.	BEBAS DENGAN BON JAMINAN	3
5.	BEBAS TANPA SYARAT	1
	JUMLAH	41

Kementerian akan terus memantau dan menjalankan siasatan secara berterusan untuk mengambil tindakan terhadap pegawai-pegawai yang terlibat dalam kes jenayah ini.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**TARIKH : 15 MAC 2017
[RABU]**

**DARIPADA : YB. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI
[SUNGAI BESAR]**

SOALAN :-

YB. Tuan Budiman Bin Mohd Zohdi [Sungai Besar] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan apakah bentuk kuasa daripada segi perundangan mahupun dasar yang ada pada pihak Kementerian dalam mengawal selia pengeluaran lesen dan permit rumah urut serta pusat hiburan keluarga yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa tempatan negeri.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, lesen aktiviti hiburan dikeluarkan sama ada oleh Pejabat Daerah atau Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) melalui peruntukkan di bawah Enakmen Hiburan Negeri masing-masing. Ini kerana hal-hal yang berkaitan dengan hiburan adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri seperti yang dinyatakan di dalam Butiran 5(f), Senarai 2, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan.

Pihak Berkuasa Melesen untuk aktiviti hiburan mengikut negeri adalah seperti berikut:

Bil.	Negeri	Pihak Berkuasa Melesen
1	Kelantan	PBT
2	Melaka	
3	Negeri Sembilan	
4	Pahang	
5	Pulau Pinang	
6	Selangor	
7	Terengganu	
8	WP Kuala Lumpur	
9	Johor	Pejabat Daerah

Bil.	Negeri	Pihak Berkuasa Melesen
10	Kedah	
11	Perak	
12	Perlis	

Walaupun Enakmen Hiburan berada di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri, Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) ada menyediakan Garis Panduan bagi meningkatkan kawalan dan penguatkuasaan ke atas premis hiburan seperti berikut:

- (i) Surat Pekeliling Jabatan Kerajaan Tempatan bil. (11) KPKT (02)(S)8/37 Klt. 2 bertarikh **19 Julai 1997** – Larangan Kepada Orang Bawah Umur Memasuki Pusat Hiburan;
- (ii) Surat Pekeliling Jabatan Kerajaan Tempatan bil. (70) KPKT (02)(S)8/37 Klt. 5 bertarikh **26 September 2000** – Arahan Jemaah Menteri Mengenai Penguatkuasaan PBT Terhadap Kegiatan Yang Tidak Sihat Di Pusat-Pusat Hiburan;

- (iii) Surat Pekeliling Jabatan Kerajaan Tempatan bil. (43) KPKT (02)799/6 Klt. 5 bertarikh **12 Julai 2003** – Tindakan Penguatkuasaan Oleh PBT Ke Atas Pusat-Pusat Hiburan;

- (iv) Surat Pekeliling Jabatan Kerajaan Tempatan bil. (45) KPKT (02)(S)8/37 Klt. 6 bertarikh **23 Disember 2000** – Garis Panduan Pusat Hiburan Keluarga; dan

- (v) Surat Pekeliling Jabatan Kerajaan Tempatan bil. (74) KPKT (02)799/6 Klt. 6 bertarikh **18 Februari 2005** – Garis Panduan Pusat Hiburan Keluarga (Pindaan)

Dalam mengawal lesen rumah urut pula, mekanisme yang digunakan oleh Kementerian ada ditetapkan dalam Undang-Undang Kecil (UUK) Spa. Mesyuarat Majlis Negara Bagi Kerajaan Tempatan (MNKT) Ke-68 pada 18 September 2014 telah bersetuju supaya UUK Spa dijadikan rujukan oleh PBT. Antara lain, UUK Spa ini menjelaskan berkenaan pelesenan, kewajipan dan obligasi pemegang lesen serta pembatalan UUK Rumah Urut dengan berkuat kuasanya UUK Spa ini.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : DATUK TSEN THAU LIN @ LINDA [BATU SAPI]

TARIKH : 15 MAC 2017 (RABU)

SOALAN : 55

Datuk Tsen Thau Lin @ Linda [Batu Sapi] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan langkah-langkah untuk mencegah kemalangan kapal-kapal pelancongan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, perlesenan bot-bot kecil di bawah 15 Nett Registered Tonnage (NRT) yang turut membawa pelancong dilesenkan oleh Jabatan Laut Malaysia (JLM) kecuali di Sabah yang mana boleh dibuat di bawah Jabatan Pelabuhan dan Dermaga Sabah (JPDS). Setiap bot-bot yang dilesenkan juga wajib menjalani pemeriksaan tahunan bagi tujuan pembaharuan lesen. Aspek-aspek kebolehlayaran bot yang diperiksa adalah seperti berikut:

- i. *Hull & Machinery*;
- ii. *Life Saving Appliances* (jaket keselamatan, pelampung etc.);
- iii. sama ada terdapat pengubahsuaian yang dibenarkan; dan
- iv. alat pemadam api.

Dalam konteks pengoperasian bot, sekiranya bot-bot ini beroperasi di jeti-jeti yang sah, setiap pelepasan mengkehendaki pengusaha-pengusaha bot untuk menyerahkan senarai penumpang kepada pihak berkuasa yang bertugas di jeti-jeti berkenaan. Manakala, bagi pengoperasian bot di had pelabuhan tertentu, pengusaha bot perlu mendapatkan kebenaran khas daripada pihak berkuasa. Dari aspek penguatkuasaan pula, pelbagai agensi terlibat sama seperti JLM, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia dan Pasukan Polis Gerakan Marin bagi memeriksa keselamatan bot-bot yang beroperasi.

Pada masa yang sama, pendekatan dengan mengadakan kempen-kempen kesedaran keselamatan marin di kalangan pengusaha bot dan feri serta penumpang sering diadakan oleh JLM. Kempen-kempen ini bertujuan memberi kesedaran khususnya kepada penumpang termasuk kepentingan untuk menggunakan perkhidmatan bot yang sah di jeti-jeti yang dibenarkan.